

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP TAHAP MEREKA DALAM MENGUASAI ILMU MA'ANI DI INTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Ahmad Redzaudin Ghazali
redzaudin@kuis.edu.my

Mohamad Rofian Ismail
mohdrofian@kuis.edu.my

Khairatul Akmar Abdul Latif
khairatulakmar@kuis.edu.my

Mohamad Syukri Abdul Rahman
msyukri@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Md. Nor Abdullah
monab@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap tahap mereka dalam menguasai ilmu ma'ani di intitusi pengajian tinggi malaysia. Kajian ini adalah kajian yang berbentuk kuantitatif. Sebanyak 105 pelajar diploma Bahasa Arab dari empat buah institusi pengajian iaitu Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIS), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Azlan Shah (KUIPSAS), Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diambil sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Analisis data bagi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu kaedah analisis deskriptif mudah skor min telah digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Untuk tatacara penganalisan data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993). Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati nilai min yang diperoleh daripada keempat-empat universiti untuk 13 item yang dikaji berada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.83 (SP=0.81). Secara keseluruhannya, pelajar Diploma bahasa Arab di IPT Malaysia berpandangan bahawa mereka dapat menguasai Ilmu Ma'ani. Hal ini dinyatakan pada 13 item yang berada pada tahap min yang tinggi dalam konstruk yang dikaji. Justeru, kajian ini telah berjaya mendedahkan tahap sebenar penguasaan pelajar diploma bahasa Arab mengikut persepsi mereka dalam menguasai ilmu ma'ani di intitusi pengajian tinggi Malaysia.

Kata Kunci : *Persepsi, Tahap Penguasaan, Ilmu Ma'ani, IPT.*

Pengenalan

Pendidikan Seringkali kita didedahkan dengan masalah pelajar dan kemerosotan mereka dalam subjek bahasa Arab sehingga ramai pengkaji berusaha mengenalpasti dan mencari titik penyelesaian melalui kajian mereka dan membentangkannya di persidangan-persidangan untuk mencari solusi yang tuntas.

Menurut Azman Che Mat & Goh Ying Song (2010) antara faktor yang menyebabkan kemerosotan subjek bahasa Arab ialah pelajar kurang menguasainya kerana mereka menganggap ianya bahasa asing dan penggunaannya dalam masyarakat tidak meluas. Selain itu, sosiobudaya bahasa tidak diwujudkan secara menyeluruh dan terhad hanya pada waktu pembelajaran sahaja. Antara lainnya juga, faktor guru-guru kurang pengetahuan dalam memahami pendekatan pengajaran komunikasi atau kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan.

Satu kajian lain tentang Balaghah ini telah dijalankan oleh Rosni bin Samah dan Marwan Ismail (2006). Kajian ini berkisarkan tentang Penguasaan Al-Balaghah dan Permasalahannya di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar dalam pengajian ilmu Balaghah ini, serta permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Bagi mendapatkan data kajian, borang soal selidik telah dirangka khusus bagi mengenal pasti tahap penguasaan pelajar melalui soalan-soalan subjektif bagi menguji tahap kefahaman mereka terhadap tajuk-tajuk yang telah dipelajari. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar melalui soalan-soalan diskriptif yang mempunyai skala tertentu untuk dipilih oleh responden. Borang soal selidik tersebut diedarkan kepada 252 orang pelajar yang terdiri daripada lima buah sekolah menengah agama di negeri Selangor. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar sasaran terhadap subjek ini terlalu lemah. Ini kerana pembelajaran mereka berorientasikan hafalan contoh-contoh dan kaedahnya, serta kurang penekanan kepada unsur aplikasi. Turut dikenalpasti, permasalahan yang dihadapi oleh pelajar yang berhubung dengan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan buku teks. Saranan dan cadangan turut dikemukakan bagi menangani masalah tersebut.

Menurut Abdullah Tahmin (1999), satu tinjauan ringkas telah dijalankan di kalangan pelajar tahun dua dan tiga akademi Islam. Tinjauan ini mendapati mereka hampir mempunyai pendapat yang sama, iaitu masalah yang dihadapi dalam mempelajari ilmu Balaghah ialah contoh-contoh yang diberikan tidak dapat difahami dengan baik. Selain apa yang disebutkan di atas, beliau juga menyatakan para pelajar yang mempelajari Balaghah tidak mengetahui tujuan mereka mempelajari ilmu tersebut. Dalam tinjauan yang sama, didapati 80% daripada pelajar berkenaan mengatakan bahawa mereka kurang jelas tentang matlamat mereka belajar Balaghah.

Kajian ini memfokuskan kepada tahap penguasaan ilmu Ma'ni dalam kalangan pelajar diploma bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Manakala, peserta utama kajian ini terdiri daripada pelajar diploma bahasa Arab di empat buah IPT iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail (KIAS), Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Pemilihan ini dibuat berdasarkan IPT yang menawarkan Diploma Bahasa Arab selain menjadikan subjek Balaghah (Ilmu Ma'ani) sebagai komponen asas kurikulum mereka.

Kajian literatur

Hasil daripada pemerhatian terhadap kajian-kajian yang dijalankan oleh beberapa orang penyelidik yang dinyatakan di atas, dapat dibuat rumusan bahawa terdapat empat faktor utama yang menyebabkan pelajar-pelajar aliran agama kurang menguasai mata pelajaran Balaghah atau ilmu retorik Arab. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada tiga pecahan iaitu pelajar, guru dan masalah-masalah lain.

Pelajar mempunyai masalah untuk memahami teks dan contoh-contoh ayat Balaghah. Pelajar juga tidak mengetahui matlamat mempelajari Balaghah menyebabkan mereka tidak meminati Balaghah. Terdapat guru yang bermasalah iaitu guru yang kurang latihan dan tidak mempunyai pengkhususan dalam Balaghah. Selain itu guru menggunakan method yang kurang sesuai dalam melaksanakan pengajaran Balaghah menyebabkan pelajar merasakan Balaghah adalah susah. Pengasingan yang berlaku di antara ilmu Balaghah dan Ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain, khususnya ilmu sastera Arab dan kritiknya. Selain itu juga, buku teks yang tidak seragam juga menjadi masalah kepada pengajaran Balaghah.

Menurut kajian yang dibuat oleh Anuar Sopian (2013) mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar agak lemah kerana mereka kurang berminat dan tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang kepentingan ilmu Balaghah. Selain itu juga, mereka kurang keinginan untuk mendalami ilmu Balaghah tersebut. Kajian terhadap penguasaan pelajar turut dijalankan oleh Raja Hazirah (2012) yang mendapati tahap penguasaan pelajar IPT terhadap mata pelajaran ini berada di tahap rendah dan sederhana, manakala tahap motivasi dan kecenderungan mereka untuk menguasai ilmu ini adalah tinggi. Menurut kajian beliau lagi, pelajar masih belum dapat menguasai ilmu ini dengan sebaik-baiknya, walaupun mereka telah memperolehi pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan. Berdasarkan kajian-kajian yang dibincangkan menunjukkan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dalam penguasaan ilmu Balaghah dalam semua peringkat pengajian walaupun tahap motivasi dan kecenderungan mereka dalam menguasai ilmu tersebut adalah tinggi. Justeru itu, isu ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dalam pelbagai aspek kerana kelemahan ini masih belum dapat diatasi.

Permasalahan dan isu yang ada di peringkat menengah perlu diambil kira bagi memahami permasalahan awal dalam pembelajaran Balaghah, antara masalah yang dihadapi pelajar ialah mereka tidak dapat memahami apa yang mereka belajar berkaitan ilmu Balaghah. Mereka juga tidak dapat mengaplikasikan apa yang mereka belajar dalam penggunaan ayat yang lain (Salmah Ahmad,2013). Menurut beliau juga, pelajar menghadapi masalah untuk menggunakan buku teks yang disediakan dan tidak dapat mengambil manfaat darinya. Hal yang demikian menyebabkan mereka tidak dapat membuat tugas-tugas yang diberikan dengan betul. Di samping itu, masa PdP yang tidak mencukupi untuk balaghah juga antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini.

Di samping itu, antara isu yang diketengahkan oleh para sarjana berkaitan dengan pembelajaran balaghah ialah perletakan objektif yang tidak sesuai, kandungan silibus yang tidak ada kesinambungan dari satu ke satu tahap, metod pengajaran yang terlalu menekankan konsep hafalan definisi, metod yang mengabaikan aspek pemupukan cita rasa sastera Arab iaitu usaha untuk menyingkap keindahan dan rahsia di sebalik ungkapan dan metod penilaian yang mengabaikan aspek aplikasi dan analisis. Kesemua ini adalah faktor-faktor penghalang tercapainya matlamat pengajaran dan pembelajaran Balaghah yang baik dan sempurna (Shuhaida Hanim,2014).

Menurut Raja Hazirah (2014) antara permasalahan yang dihadapi oleh pelajar di peringkat pengajian tinggi adalah masa dan ruang yang sangat terhad yang mana sukatan pelajaran Balaghah yang merangkumi tiga komponen ilmu (al-Maani, al-Bayan dan al-Badi') perlu dihabiskan dengan hanya 14 kali pertemuan, pada setiap semester. Menurut beliau lagi, rujukan yang ada pula sangat terbatas dan sukar didapati oleh mahasiswa pengajian Islam. Ditambah lagi dengan penerapan kaedah-kaedah Balaghah yang sangat sukar untuk diterapkan dalam bentuk penjelasan model ceramah, yang perlu sentiasa diulang oleh pensyarah dan juga memerlukan konsentrasi yang tinggi daripada pihak pelajar.

Kajian Azhar (2008) turut menyatakan tentang kekeliruan dalam pengajaran Balaghah, pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah banyak yang menyeleweng dari konsep asal pengajaran dan pembelajaran. Hal ini menyebabkan objektif dan matlamat pengajaran dan pembelajaran Balaghah tidak berjaya dicapai sepenuhnya. Secara kesimpulannya isu-isu yang telah dibincangkan berkaitan dengan permasalahan dan kelemahan pelajar dalam menguasai ilmu Balaghah khususnya ilmu Ma'ani telah membuka ruang untuk pengkaji menjalankan penyelidikan secara ilmiah.

Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 105 pelajar diploma Bahasa Arab dari empat buah institusi pengajian iaitu Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIS), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Azlan Shah (KUIPSAS), Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diambil sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analysis. Pengkaji memilih interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis, seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala *Likert*

| Julat | Tahap Skor Min |
|--------------|-----------------------|
| 1.00 – 2.33 | Rendah |
| 2.34 – 3.66 | Sederhana |
| 3.67 – 5.00 | Tinggi |

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

Dapatan kajian

Analisis skor min setiap item bagi domain Persepsi Pelajar IPT Dalam Menguasai Ilmu Ma'ani untuk keseluruhan universiti yang dikaji iaitu UniSZA, KIAS, KUIPSAS dan KUIS boleh dirujuk pada jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Taburan Skor Min Persepsi Pelajar IPT Dalam Menguasai Ilmu Ma'ani

| Item | STS | TS | KS | S | SS | Min | S.P | Interpretasi |
|--|------------|-------------|-------------|-------------|-------------|------------|------------|---------------------|
| Saya berpandangan masa diperuntukkan untuk belajar ilmu Maani mencukupi. | 3 2.9% | 24 22.9% | 25 23.8% | 37 36.2% | 16 15.2% | 3.37 | 0.87 | Sederhana |
| Saya berpandangan lebih seronok berada dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu Maani dalam kelas. | 0 0% | 2 1.9% | 15 14.3% | 67 63.8% | 21 20% | 4.02 | 0.65 | Tinggi |
| Saya berpandangan nota pelajaran ilmu Maani yang digunakan sekarang sesuai dan mudah difahami. | 0 0% | 6 5.7% | 14 13.3% | 65 61.9% | 20 19% | 3.94 | 0.74 | Tinggi |
| Saya lebih suka contoh-contoh daripada ayat al-Quran dan hadis berbanding contoh-contoh lain semasa mempelajari ilmu Maani | 0 0% | 9 8.6% | 25 23.8% | 37 35.2% | 34 32.4% | 3.91 | 0.95 | Tinggi |
| Saya lebih suka contoh-contoh ilmu Maani dalam bentuk ayat biasa berbanding selainnya. | 2 1.9% | 7 6.7% | 18 17.1% | 60 57.1% | 18 17.1% | 3.81 | 0.87 | Tinggi |
| Saya dapat memahami setiap kaedah ilmu Maani yang dipelajari | 0 0% | 5 4.8% | 28 26.7% | 62 59% | 10 9.5% | 3.73 | 0.70 | Tinggi |
| Kaedah ilmu maani yang dipelajari tidak sukar difahami | 0 0% | 6 5.7% | 23 21.9% | 62 59% | 14 13.3% | 3.80 | 0.74 | Tinggi |
| Saya seronok dengan kaedah pengajaran ilmu Maani yang digunakan pensyarah. | 2 1.9% | 3 2.9% | 11 10.5% | 56 53.3% | 33 31.4% | 4.09 | 0.84 | Tinggi |
| Saya dapati pensyarah menggunakan alat bantu selain daripada buku teks. | 2 1.9% | 2 1.9% | 28 26.7% | 49 46.7% | 24 22.9% | 3.86 | 0.86 | Tinggi |
| Saya dapati pensyarah menggunakan teknologi pembelajaran terkini | 2 1.9% | 8 7.6% | 23 21.9% | 52 49.5% | 20 19% | 3.76 | 0.91 | Tinggi |

| | | | | | | | | |
|---|-----------|-----------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|---------------|
| seperti internet dan aplikasi. | | | | | | | | |
| Saya dapat tentukan unsur ilmu Maani dalam Quran dan Hadith. | 2 1.9% | 7 6.7% | 27 35.2% | 48 45.7% | 11 10.5% | 3.56 | 0.84 | Sederhana |
| Aktiviti pembelajaran ilmu Maani dalam kelas berpusatkan pelajar | 1 1% | 4 3.8% | 26 24.8% | 58 55.2% | 16 15.2% | 3.80 | 0.78 | Tinggi |
| Aktiviti pembelajaran ilmu Maani dalam kelas berpusatkan guru | 2 1.9% | 5 4.8% | 26 24.8% | 54 51.4% | 18 17.1% | 3.77 | 0.86 | Tinggi |
| Saya mempelajari ilmu Maani menggunakan modul yang digubal sendiri oleh pensyarah | 2 1.9% | 5 4.8% | 17 16.2% | 58 55.2% | 23 21.9% | 3.90 | 0.86 | Tinggi |
| Ilmu Maani membantu meningkatkan penguasaan bahasa Arab saya | 1 1% | 1 1% | 11 10.5% | 56 53.3% | 36 34.3% | 4.19 | 0.74 | Tinggi |
| Min Keseluruhan | | | | | | 3.83 | 0.81 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan min keseluruhan untuk domain kajian berkaitan pandangan pelajar Diploma bahasa Arab di UniSZA, KIAS, KUIPSAS dan KUIS terhadap Persepsi mereka dalam menguasai Ilmu Ma'ani. Secara umumnya, nilai min yang diperolehi daripada keempat-empat universiti untuk 15 item yang dikaji berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.83 (SP=0.81).

Hanya dua item mendapat min yang sederhana iaitu Saya berpandangan masa diperuntukkan untuk belajar ilmu Maani mencukupi (Min=3.37, SP=0.87) dan Saya dapat tentukan unsur ilmu Maani dalam Quran dan Hadith (Min=3.56, SP=0.84). Dapatan ini menunjukkan bahawa item yang berkaitan peruntukkan masa belajar dalam kalangan pelajar diploma bahasa Arab di IPT Malaysia berada pada tahap sederhana dan memuaskan. Begitu juga dengan kemampuan mereka yang sederhana dalam menentukan unsur ilmu Maani dalam Quran dan Hadith.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat 13 item mendapat min yang tinggi mengikut susunan dari nilai yang paling tinggi kepada nilai yang paling rendah iaitu ilmu Maani membantu meningkatkan penguasaan bahasa Arab saya (Min=4.19, SP=0.74), saya seronok dengan kaedah pengajaran ilmu Maani yang digunakan pensyarah (Min=4.09, SP=0.84), saya berpandangan lebih seronok semasa berada dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu Maani dalam kelas (Min=4.02, SP=0.65), saya berpandangan nota pelajaran ilmu Maani yang digunakan sekarang sesuai dan mudah difahami (Min=3.94, SP=0.74), saya lebih suka contoh-contoh daripada ayat al-Quran dan hadis berbanding contoh-contoh lain semasa mempelajari ilmu Maani (Min=3.91, SP=0.95), saya mempelajari ilmu Maani menggunakan modul yang digubal sendiri oleh pensyarah (Min=3.90, SP=0.86), saya dapati pensyarah menggunakan alat bantu selain daripada buku teks (Min=3.86, SP=0.86), saya lebih suka contoh-contoh ilmu Maani dalam bentuk ayat biasa berbanding selainnya (Min=3.81, SP=0.87), aktiviti pembelajaran ilmu Maani dalam kelas berpusatkan pelajar (Min=3.80, SP=0.78), kaedah ilmu maani yang dipelajari tidak sukar difahami (Min=3.80, SP=0.74), aktiviti pembelajaran ilmu Maani dalam kelas berpusatkan guru

(Min=3.77, SP=0.86), saya dapati pensyarah menggunakan teknologi pembelajaran terkini seperti internet dan aplikasi (Min=3.76, SP=0.91), dan saya dapat memahami setiap kaedah ilmu Maani yang dipelajari (Min=3.73, SP=0.70).

Dapatan ini memperlihatkan bahawa tahap penguasaan ilmu Ma'ani dalam kalangan pelajar Diploma bahasa Arab di IPT mengikut pandangan pelajar itu sendiri berada pada tahap yang tinggi. Aspek-aspek penguasaan tersebut ialah ilmu Maani dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar dan mereka seronok dengan kaedah pengajaran ilmu Maani yang digunakan oleh pensyarah. Mereka merasa lebih seronok semasa berada dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu Maani dalam kelas. Selain itu, mereka berpandangan bahawa nota pelajaran ilmu Maani yang digunakan sekarang sesuai dan mudah difahami. Mereka lebih suka menggunakan contoh-contoh daripada ayat al-Quran dan hadis berbanding contoh-contoh lain semasa mempelajari ilmu Maani. Selain itu pelajar mengakui menggunakan modul ilmu Maani yang digubal sendiri oleh pensyarah. Ramai dalam kalangan mereka mendapati pensyarah mereka menggunakan alat bantu selain daripada buku teks. Justeru, mereka juga berasa lebih suka menggunakan contoh-contoh ilmu Maani dalam bentuk ayat biasa berbanding selainnya. Aspek lain ialah aktiviti pembelajaran ilmu Maani dalam kelas adalah berpusatkan pelajar, manakala ada dalam kalangan mereka berpendapat aktiviti pembelajaran ilmu Maani dalam kelas berpusatkan guru dan kaedah ilmu maani yang dipelajari tidak sukar difahami. Disamping itu, mereka mendapati pensyarah menggunakan teknologi pembelajaran terkini seperti internet dan aplikasi.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar Diploma bahasa Arab di IPT memerlukan masa yang mencukupi dalam mempelajari Ilmu Ma'ani kerana ilmu Ma'ani mempunyai sub-sub tajuk yang banyak dan menyukarkan pelajar memberi perhatian yang sewajarnya. Selain itu, pelajar dilihat sukar untuk menentukan unsur-unsur ilmu Ma'ani dalam Quran dan Hadis seterusnya mempraktikkannya dalam pembelajaran mereka.

Secara keseluruhannya, pelajar Diploma bahasa Arab di IPT Malaysia berpandangan bahawa mereka dapat menguasai Ilmu Ma'ani. Hal ini dinyatakan pada 13 item yang berada pada tahap min yang tinggi.

Berdasarkan dari hasil dapatan untuk domain kajian berkaitan pandangan pelajar Diploma bahasa Arab di UniSZA, KIAS, KUIPSAS dan KUIS terhadap persepsi mereka dalam menguasai Ilmu Ma'ani. Secara umumnya, nilai min yang diperoleh daripada keempat-empat universiti untuk 15 item yang dikaji berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.83 (SP=0.81). Hal ini kerana pelajar mendapati ilmu Ma'ani merupakan sebahagian daripada komponen ilmu Balaghah yang agak sukar untuk dikuasai. Kesukaran ini berpunca daripada hubungan yang rapat antara ilmu Nahu dan ilmu Ma'ani. Kelemahan dalam menguasai ilmu Nahu memberi kesan yang negatif kepada pencapaian ilmu Ma'ani.

Dapatan juga menunjukkan hanya dua item mendapat min yang sederhana iaitu pelajar berpandangan masa diperuntukkan untuk belajar ilmu Maani mencukupi (Min=3.37, SP=0.87) dan mereka dapat menentukan unsur ilmu Maani dalam Quran dan Hadith (Min=3.56, SP=0.84). Dapatan ini menunjukkan bahawa item yang berkaitan peruntukkan masa belajar dalam kalangan pelajar diploma bahasa Arab di IPT Malaysia berada pada tahap sederhana dan memuaskan. Begitu juga dengan kemampuan mereka yang sederhana dalam menentukan unsur ilmu Maani dalam Quran dan Hadith. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar Diploma bahasa Arab di IPT memerlukan masa yang mencukupi dalam mempelajari Ilmu Ma'ani kerana ilmu Ma'ani mempunyai sub-sub

tajuk yang banyak dan menyukarkan pelajar memberi perhatian yang sewajarnya. Selain itu, pelajar dilihat sukar untuk menentukan unsur-unsur ilmu Ma'ani dalam Quran dan Hadis seterusnya mempraktikkannya dalam pembelajaran mereka.

Secara keseluruhannya, pelajar Diploma bahasa Arab di IPT Malaysia berpandangan bahawa mereka dapat menguasai Ilmu Ma'ani. Hal ini dinyatakan pada 13 item yang berada pada tahap min yang tinggi. Namun demikian mereka mendapati beberapa perkara berkaitan kecukupan masa diperuntukkan untuk belajar ilmu Ma'ani dan kemampuan mereka dalam menentukan unsur ilmu Ma'ani dalam Quran dan Hadith berada pada tahap min yang sederhana.

Selain itu, hasil analisis menunjukkan nilai min yang diperoleh daripada keempat-empat IPT untuk 10 item yang dikaji bagi domain kajian berkaitan pandangan pelajar Diploma bahasa Arab di UniSZA, KIAS, KUIPSAS dan KUIS terhadap tahap penguasaan mereka terhadap komponen ilmu Ma'ani berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.83 (SP=0.84).

Dari hasil tersebut didapati pelajar memahami tajuk yang berkait dengan al-Ijaz wa al-Ithnab wa al-Musaawat. Mereka juga memahami semua komponen ilmu Ma'ani yang dipelajari. Selain itu, pelajar juga memahami tajuk yang berkait dengan Insya'i dan Khabari serta tajuk yang berkait dengan al-Musnad dan al-Musnad ilaih. Begitu juga dengan tajuk yang berkait dengan al-Taqdim wa Takhir dan tajuk yang berkait dengan al-Qasr, pemahaman pelajar terhadap tajuk-tajuk ini berada ditahap yang tinggi. Tajuk-tajuk lain yang difahami oleh pelajar dalam mempelajari ilmu Ma'ani ialah tajuk yang berkait dengan al-Zikr wa al-Hazf, tajuk yang berkait dengan Ahwal al-Muta'allaqati bi al-Fi'li serta tajuk yang berkait dengan al-Fasl wa al-Wasl. Namun begitu, terdapat satu item yang mendapat min yang sederhana iaitu pelajar mengetahui semua komponen ilmu Ma'ani yang dipelajari (3.37, SP=1.1). dapatan ini menunjukkan bahawa tidak semua pelajar mengetahui setiap komponen yang terdapat dalam ilmu Ma'ani. Hal ini bermaksud, kurangnya pengetahuan pelajar terhadap komponen ilmu Ma'ani menyebabkan mereka keliru dan sangsi terhadap kemampuan mereka dalam mempelajari ilmu Balaghah khususnya ilmu Ma'ani. Hal ini kerana pelajar mudah memahami tajuk-tajuk yang dipelajari satu-persatu dalam komponen ilmu Ma'ani setelah dibimbing oleh tenaga pengajar berbanding dengan kesukaran mereka memahami subjek ilmu Ma'ani secara umum.

Penutup

Kajian ini merumuskan bahawa kesemua objektif kajian yang telah digariskan didapati telah tercapai. Hal ini kerana pelajar merasakan mereka mampu menguasai ilmu Balaghah khususnya ilmu Ma'ani diperingkat IPT, namun dapatan ini hanyalah persepsi pelajar semata-mata. Untuk mendapatkan tahap penguasaan sebenar pelajar perlu kepada kajian bersifat eksperimen menggunakan ujian pengesanan pelajar dalam menguasai ilmu Balaghah khususnya ilmu Ma'ani. Walaubagaimanapun pengkaji merasakan kajian ini sudah cukup mencerminkan pandangan pelajar sendiri terhadap pencapaian mereka dalam menguasai ilmu Ma'ani. Diharap terdapat kajian-kajian lain yang seumpunya yang memfokuskan kepada kajian emperikal mencerminkan tahap sebenar pelajar dalam menguasai ilmu Balaghah khususnya ilmu Ma'ani bermula dari peringkat awal hingga ke IPT.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad. 2017. Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1): 1-14.
- Ab. Rahim Ismail. 2004. Al-Lughah al-Arabiyyah: Dawruha wa makanatuha fi al-Hadir wa al-Mustaqbal. Dlm. Ezad Azrai Jamsari, Farid Mat Zain, Hakim Zainal & Salmah Ahmad (pynt.). Al-Hadharah: 135-144. UKM: Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam.
- Abbas, Fadl Hassan. 1997. *Al-Balaghah: Fununuha wa Afnaniha*. Aman: Dar al Furqan.
- Abd Halim Ariffin. 1999. Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bawah Kementerian Pendidikan. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdullah Tahmim. 1999. Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- al-Askariy, Abu Hilal. 1984. *Kitab Sina'atayn*. Mufid Qamhat (pnyt.). Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyat.
- al-Rummani, Ali bin Isa. 1968. *Al-Nakt fi I'jaz al-Quran*. Muhammad Khalf Allah & Muhammad Zaghlul (pnyt.) Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Sakkakiy, Abu Ya'qub Yusuf bin Muhammad bin Aliy. 2000. *Miftah al-'Ulum*. Abdul al-Hamid Hindawiy (pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- al-Samira'iy, Mahdi Salih. 1977. *Ta'thr al-Fikr al-Diniy fi al-Balaghat al-Arabiyyat*. Damsyik: al-Maktab al-Islamiy.
- Anuar Sopian dan Fakrulnizam Jafri. 2011. Laporan Penyelidikan Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah (Retorik) Arab: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Negeri Melaka. Shah Alam: UiTM.
- Anuar Sopian, Salmah Ahmad dan Kaseh Abu Bakar. 2013. Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal. *Islamiyyat*, 35(1): 93-101.
- Anuar Sopian. 2012. Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmi Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Bangi: UKM.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Ph.d. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah dan Bushrah Basiron. 2006. Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhar Muhammad. 2005. Beberapa Aspek Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran. *Jurnal Teknologi*, 42: 61-76.
- Azman Che Mat & Goh Ying Song. 2010. Cabaran-cabaran Dalam Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing Pilihan di IPT: Kajian Kes. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2): 9-21.
- Badawiy Tabanat. 1967. *Ilm al-Bayan*. T.tp: t.pt.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Musa & Ong Chin Guan. 1998. *Pengantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husaimi Hj Othman. 1999. Pengajian Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (Perak): Pengalaman dan Tinjauan. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ibrahim Mustafa. 1937. *al-Mu'jam al-Wasit*. Mesir: al-Maktabah al-Islamiyyah li al-Tibaa'h wa an-Nashr wa al-Tauzi.
- Ikbal Zahin Mohamed. 2015. Analisis Ta'rif dan Tankir Dari Perspektif Ilmi Ma'ani Dalam Surah Al-Ahzab. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ishak Mohd Rejab. 1992. Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Kumpulan Kertas Kerja Pendidikan Islam Malaysia. Disunting: Ismail Ab.Rahman. Bangi: UKM.
- Ishak Rejab. 1992. Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Dlm. Ismail Ab. Rahman. Pendidikan Islam di Malaysia. Bangi: UKM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. Sukatan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi KBSM. Kuala Lumpur: JAPIM.
- Mohd Majid Konting. 2000. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Ismail Muhamad, Wan Salihin Wong Abdullah, Mohd Nasir Ismail & Zawiah Seman. 2014. Interaksi Penguasaan Bahasa Arab – Strategi Dalam Proses Kefahaman Teks Kesusasteraan Arab: Implikasinya Terhadap Pengajaran Guru. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014.
- Munirah Jaafar. 2011. Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal. Tesis Ijazah Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abdul Ghani dan Muawfak Abdella Ahmed al-Khusairi. 1999. *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi, Ghazali Yusri & Parilah M. Shah. 2010. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Gema Online Journal of Language Studies*, 10(3):15-33.
- Osman Hj. Khalid. 1994. Pengaruh Bahasa Arab Dalam Memperteguh Dan Memperkaya Bahasa Melayu Suatu Pengamatan. Dlm. Muhammad Bukhari Lubis, *Persuratan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Rosni Samah & Arnida Abu Bakar. 2008. Laporan Penyelidikan Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Nahu di Peringkat STAM dan Tahap Penguasaan Pelajar: Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri. Negeri Sembilan: USIM.
- Rosni Samah & Muhammad Marwan Ismail. 2006. Laporan Penyelidikan Penguasaan Al-Balaghah dan Permasalahannya di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor. Negeri Sembilan: USIM.
- Rosni Samah & Muhammad Marwan Ismail. 2006. Laporan Penyelidikan Penguasaan Al-Balaghah dan Permasalahannya di kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Kajian di Sekolah-sekolah Agama Negeri Selangor. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Rosni Samah. 2009. Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Nilai: USIM.